

# Pengaplikasian Ruang *Tawarikh* Di Dalam Subjek Sejarah Sebelum Kemerdekaan Malaysia: Tumpuan Terhadap *Majalah Guru*

Norlida Abdul Salam\* Faisal @ Ahmad Faisal Abdul  
Hamid\*\*, Abdul Qayyum M Suhaimi\*\*\*, Ummu Zainab Al-  
Abidah\*\*\*\* dan Mohd Roslan Mohd Nor\*\*\*\*\*  
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

## Abstrak

Artikel ini membincangkan mengenai aplikasi ruangan *Tawarikh* yang terdapat di dalam *Majalah Guru* sebagai medium bagi rujukan pelajar, guru dan juga masyarakat amnya. Penulisan artikel ini menggunakan metod pengumpulan data iaitu penyelidikan perpustakaan, metode dokumentasi dan akhir sekali apabila semua data yang diperlukan sudah dikumpul maka olahan dan penganalisaan data dilakukan. Kesimpulan yang dapat dibuat dari penulisan artikel ini ialah, kemunculan persekutuan guru-guru Melayu pada dekad 20-an telah menjadikan *Majalah Guru* sebagai sumber rujukan selain buku teks yang disediakan pada ketika itu bagi mata pelajaran sejarah. Ini menunjukkan bahawa majalah juga dijadikan sebagai sumber sejarah sepertimana yang telah disebutkan oleh Khoo Kay kim (1979).

**Kata Kunci:** *Majalah Guru, Mata Pelajaran Sejarah, Ruang Tawarikh, Masyarakat Melayu, Sebelum Merdeka*

---

\* Beliau merupakan pelajar Sarjana di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

\*\* Beliau merupakan pensyarah kanan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

\*\*\* Beliau merupakan pelajar Sarjana di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

\*\*\*\* Beliau merupakan pelajar Sarjana di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

\*\*\*\*\* Beliau merupakan pensyarah kanan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

## A. Pengenalan

*Tawarikh* merupakan kata *jamak* bagi *tarikh* dalam Bahasa Arab. Sekiranya kita merujuk kepada *Encyclopedia of Islam, Tarikh* bermaksud era dan kronologi. Asal perkataan *Tarikh* iaitu *Ta'rikh* adalah bererti penentuan tarikh dan juga bermaksud asal-usul, kerja-kerja penyelidikan, sejarah dan juga jurai keturunan.<sup>1</sup>

Menurut Muhd Yusof Ibrahim (2009), dari segi penggunaan istilah *al-tarikh* atau tarikh di dalam bahasa Arab pada mulanya ia hanya membawa maksud 'pentarikan, era atau zaman, tetapi melalui perkembangan pensejarahan yang berlaku pada abad kedua dan ketiga Hijrah, istilah itu diertikan sebagai kajian sejarah dan ilmu sejarah atau ilmu *tarikh*.<sup>2</sup>

Penggunaan dan penyesuaian perkataan ataupun istilah ini adalah munasabah bahawa perkataan *al-tarikh* atau *tarikh* sahaja iaitu merupakan perkataan Arab, kemudian telah diubahsuai menjadi *tawarikh* di dalam bahasa Melayu. Ia adalah satu istilah yang popular digunakan bagi merujuk sejarah oleh penulis sejarah tempatan sehingga awal tahun 1960-an apabila perkataan sejarah menggantikan perkataan *tawarikh*. Walau bagaimanapun, bukanlah bererti perkataan sejarah itu tidak pernah digunakan langsung sebelum tempoh tersebut. Selain penggunaan istilah *tawarikh*, sejarawan Melayu juga menggunakan istilah hikayat atau riwayat.<sup>3</sup>

## B. Mata Pelajaran *Tawarikh*

Mata pelajaran sejarah sememangnya telah diterima umum dalam dunia pendidikan sebagai satu mata pelajaran sosial. Dewasa kini, pengajaran mata pelajaran sejarah meliputi hampir semua peringkat pengajian sama ada sekolah rendah, menengah atau pusat pengajian tinggi. Pelajaran sejarah sebagai pendidikan asas untuk semua peringkat dan golongan adalah suatu kenyataan yang tidak boleh dinafikan lagi.

---

<sup>1</sup> H.A.R Gibb & J.H.Kramers, *Shorter Encyclopedia of Islam*, (Leidin : E.J.Brill,1961), 578.

<sup>2</sup> Muhd. Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah, Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka,2009), 6 dan lihat juga Mahayudin Hj. Yahaya, *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana, 1984), 31-32.

<sup>3</sup> Muhd. Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah, Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, 7.

Umumnya, sebilangan besar daripada kita tidak mengetahui bahawa telah wujud mata pelajaran sejarah semasa perang dunia pertama lagi.<sup>4</sup> Walau bagaimanapun, pelajaran sejarah ini disebut mata pelajaran *Tawarikh* pada ketika itu. *Tawarikh* sebagai satu mata pelajaran, diasingkan daripada subjek kesusasteraan telah diperkenalkan pada tahun 1918 di Maktab Melayu Melaka, iaitu sebuah maktab perguruan yang bukan hanya mendahului Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjong Malim bahkan beberapa orang kelulusan Maktab Melayu Melaka adalah pensyarah yang amat berpengaruh di MPSI (atau lebih dikenali sebagai SITC pada awal penubuhannya).<sup>5</sup>

Pada tahun 1916, pemerintahan Inggeris telah melantik R.O Winstedt sebagai Penolong Pengarah Pelajaran yang bertugas untuk sekolah-sekolah. Beliau telah dihantar ke Jawa dan Filipina untuk mengkaji sistem pelajaran rakyat dan dasar pelajaran kolonial. Beliau telah mengeluarkan satu laporan iaitu Laporan Dari Mr. R.O Winstedt Penolong Pengarah Pelajaran Negeri Selat dan di Hindia Timur Belanda iaitu beliau telah melaporkan bahawa dasar Belanda menggugurkan pelajaran sejarah dari jadual waktu sekolah-sekolah rendah hendaklah diikuti.<sup>6</sup>

Bagi Winstedt, mata pelajaran Sejarah terutamanya tentang orang Melayu dalam erti sejarah tempatan adalah merbahaya kerana baginya, sejarah tempatan yang dianggap sejarah oleh masyarakat Melayu sebenarnya hanyalah cerita dongeng. Beliau mengatakan lagi bahawa untuk mengajarkan sejarah Tanah Melayu masih tidak boleh dilakukan kerana buku-buku yang ada hanyalah bukti yang belum pasti. *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Abdullah* merupakan buku yang dianggap Winstedt tidak sesuai digunakan di sekolah Melayu walaupun untuk pelajaran bahasa Melayu.<sup>7</sup> Walau bagaimanapun

---

<sup>4</sup> Umum mengetahui bahawa perang dunia pertama berlaku dari tahun 1914-1918. Pelajaran *Tawarikh* telah diperkenalkan pada tahun 1918 iaitu di Maktab Melayu Melaka. Lihat Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979), 11 dan juga Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 19.

<sup>5</sup> Khoo Kay Kim & Ramlah Adam, *The Malay College Malacca*, (Kuala Lumpur: The New Straits Times Annual, 1977), 81-86.

<sup>6</sup> Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), 76-78.

<sup>7</sup> *Ibid.*, 78 dan lihat juga Siti Zainun Mat, "Kepentingan Pelajaran Sejarah Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia" *Jurnal Sejarah*, Bil. 18 (1990), 10.

pada tahun 1927, *Sejarah Melayu* telah digunakan untuk mata pelajaran Sejarah di samping buku *Tawarikh Melayu*<sup>8</sup> tulisan R.O Winstedt sendiri.

Selain buku tulisan Winstedt, terdapat rujukan lain yang digunakan dalam proses pembelajaran sejarah. Berikut ialah rujukan yang digunakan:

- 1) Papers On Malay Subjects<sup>9</sup>
- 2) Sejarah Alam Melayu (Jilid I-V)<sup>10</sup>

Walau bagaimanapun, ramai yang tidak mengetahui bahawa *Majalah Guru* juga mempunyai sumbangan sebagai sumber rujukan bagi mata pelajaran sejarah. Terdapat ruangan penulisan sejarah di dalam *Majalah Guru* iaitu diberi nama *Bahagian Tawarikh*. Kebanyakan artikel yang diterbitkan dalam majalah ini merupakan terjemahan yang di lakukan oleh Za'ba<sup>11</sup> daripada buku *Malaya* karangan Winstedt.<sup>12</sup> Winstedt sebenarnya lebih suka sekiranya Za'ba melakukan aktiviti terjemahan di Pejabat Karang Mengarang di SITC

<sup>8</sup> Buku ini diterbitkan di Singapura.

<sup>9</sup> Ditulis oleh R.J Wilkinson. Antara tajuk-tajuk yang terdapat didalamnya ialah *The Proto Malay, The Early Peninsular Civilisation, The Coming of the Malays, The Malacca Sultanate, The Portuguese Ascendancy, The Dutch Ascendancy, Singapore, Johore and Muar, Early Perak History, Larut, The Perak War*. Lihat Khoo Kay Kim, "Penyelidikan, Penulisan dan Pengajaran Sejarah Tanah air untuk Memupuk Keperibadian Malaysia" (makalah, Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur, 16-10 Ogos 1973), 139.

<sup>10</sup> Dimulakan oleh Cikgu Abdul Hassan dan kemudiannya disudahi oleh Buyong Adil. Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), 76-78.

<sup>11</sup> Zainal Abidin bin Ahmad merupakan seorang pendeta, Tan Sri, karyawan Melayu yang banyak berjasa kepada pembangunan bangsa Melayu. Za'ba memasuki peperiksaan untuk menjadi seorang guru di Maktab Melayu Kuala Kangsar (Oktober 1918-April 1923) dan pada peringkat inilah Za'ba telah lulus peperiksaan perguruan, dan menjadi penterjemah di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada April 1924-September 1939. Beliau juga menjadi penggerak kepada Persekutuan Guru-guru Melayu sehingga *Majalah Guru* diterbitkan. Disini penulis hanya menerangkan serba ringkas mengenai Za'ba kerana subjek kajian penulis ialah penulisan sejarah didalam *Majalah Guru*. Kisah mengenai Za'ba ni banyak terdapat didalam buku-buku, majalah, kertas kerja seminar dan tesis. Lihat Awang Had Salleh (1991), "Za'ba". *Dewan Budaya*, November 1991, hlm. 209, lihat juga Zainal Abidin Bin Ahmad (1932), "Kewajipan Terjemah-menterjemah", *Guru*, Januari 1932, hlm. 26-30, juga Abdullah Zakaria Ghazali (1995), "Pembinaan Citra Za'ba: Muhammad Bin Dato' Muda kepada Zainal Abidin Bin Ahmad" (Kertas Kerja Seminar Memperingati 100 Tahun Za'ba di Kuala Lumpur, 19-20 Oktober 1995), dan lihat juga Adnan Haji Mohd. Nawang (1986), "Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba)" (Kertas Kerja Seminar Biografi Malaysia di Kuala Lumpur, 1986).

<sup>12</sup> Za'ba telah menjelaskan "...terjemahan ini, dan juga beberapa terjemahan yang lain telah di siarkan dalam *Majalah Guru* dengan tidak menurut susunan dahulu kemudiannya yang diaturkan di sini dari awal tahun 1925 hingga akhir tahun 1929..." lihat Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*, (Singapura: Pustaka Melayu, 1961), 1.

Tanjong Malim supaya pihak British dapat memantau kegiatan Za'ba dalam penulisan beliau yang dilihat pihak British sebagai meniup semangat nasionalisma.<sup>13</sup> Ini menunjukkan bahawa Winstedt menganggap pembelajaran sejarah perlu disebarkan dengan menggunakan sumber penulisan yang berorientasikan barat, sesuai dengan penulisan artikel yang diterjemah oleh Za'ba dalam *Majalah Guru* yang dilihat dapat menjadi bahan bacaan pelajar, guru dan masyarakat Melayu.

### C. Ruangannya Tawarikh dan Latar Belakang *Majalah Guru*

*Majalah Guru* ini diterbitkan pada tahun 1924 di Seremban oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan dicop menggunakan huruf jawi<sup>14</sup> iaitu cop halus<sup>15</sup> serta dicetak oleh Yok Fong Press<sup>16</sup> dan kemudiannya diambil alih oleh Matbaah al-Raudhah.<sup>17</sup> *Majalah* ini diberi nama *Majalah Guru* bersesuaian dengan namanya yang bertujuan memberikan suatu 'mutiara yang berharga' daripada guru kepada masyarakat Melayu khususnya. Semasa kemunculan majalah ini, terdapat sebab kenapa majalah ini diberikan nama *Majalah Guru*:

"...dinamakan *Majalah Guru* ialah dimaksudkan akan menjadi hak sekalian guru-guru..."<sup>18</sup>

Tujuan utama penerbitan *Majalah Guru*<sup>19</sup> ini ialah untuk menggalakkan supaya guru-guru bekerjasama dalam negeri masing-

<sup>13</sup> Khoo Kay Kim, "Strategi Kesinambungan Titisannya Warisan Pendeta Za'ba: Peranan Ahli Sejarah", (makalah, Seminar Kebangsaan Memartabatkan Warisan Pendeta Za'ba, Dewan Bahasa dan Pustaka, 15 & 16 September 2004), 96.

<sup>14</sup> *Majalah Guru* adalah majalah yang menggunakan tulisan jawi dan majalah ini juga memartabatkan tulisan jawi dari pernyataan majalah ini "...dan *Majalah Guru* bersuara lagi bahawa surat-surat atau karangan-karangan yang dikirimkan hendaklah ditulis dengan tulisan jawi bukan tulisan rumi kerana *Majalah Guru* adalah majalah yang dicetak dengan tulisan jawi..." lihat (1929) *Majalah Guru*, Bil. 7, Tahun ke-6, 1 Julai, hlm. 138

<sup>15</sup> Terdapat pernyataan didalam *Majalah Guru* yang menyatakan "...menggunakan cop halus, sebab itu kerap berlaku kesilapan sama ada keciciran daripada titik huruf, perkataan atau tertinggal atau terulang perkataan sampai sebaris daripadanya dan terkadang lebih..." lihat Bahagian Rencana Pembukaan (1926), *Majalah Guru*, Bil. 1, Tahun ke-3, 1 Januari, hlm. 3

<sup>16</sup> Terletak di Seremban, Negeri Sembilan No. 147, Jalan Breach Road. Percetakan Yok Fong Press hanya bertanggungjawab mencetak *Majalah Guru* dari tahun 1924-1925.

<sup>17</sup> Terletak di Seremban, Negeri Sembilan No.30 Locke Road. Percetakan Matbaah al-Raudhah bertanggungjawab mencetak *Majalah Guru* bermula dari tahun 1926.

<sup>18</sup> Rencana Pengarang, *Majalah Guru*, 1 November 1924, 2.

<sup>19</sup> Tujuan *Majalah Guru* ini diterbitkan telah diterangkan di dalam syair yang terdapat di dalam *Majalah Guru* ini pada keluaran pertamanya lagi. Lihat (1924), *Majalah Guru*, Bil.1, Tahun ke-1, 2.

masing supaya mendapat persamaan dalam segala perkara berkaitan dengan kurikulum sekolah, memajukan pelajaran di sekolah Melayu, juga bertujuan untuk membincangkan segala kerumitan yang berlaku diantara guru-guru mengenai jawatan dan pekerjaan masing-masing.<sup>20</sup>

*Majalah Guru* disifatkan sebagai majalah yang mapan. *Pengasoh* juga ada menyebut tentang *Majalah Guru* bahawa majalah ini merupakan majalah untuk masyarakat dan sepatutnya dilanggan oleh orang Melayu dan *Pengasoh* juga menyebut “*salah satu daripada sahabat kami yang disayangi*”. Ini menunjukkan bahawa majalah lain yang wujud pada masa itu juga menyokong penerbitan *Majalah Guru* ini.

Menurut Muhd Yusof Ibrahim, kebanyakan isi kandungan yang termuat di dalam beberapa akhbar dan majalah Melayu yang lahir pada awal abad 20 merupakan penulisan yang berbentuk sejarah.<sup>21</sup> Daripada pernyataan beliau ini, penulis melihat bahawa sudah ada kesedaran masyarakat Melayu terhadap sejarah iaitu persepsi masyarakat terhadap kebaikan dan tauladan yang dapat dijadikan ikhtibar bagi masyarakat Melayu pada ketika itu.

Penulis juga berpendapat bahawa sebenarnya kesedaran ini wujud pada golongan intelegensia Melayu pada ketika itu terutamanya golongan guru yang dianggap sebagai golongan yang berpelajaran tinggi dan dihormati. Daripada kesedaran yang wujud dalam diri golongan intelegensia ini, maka penulisan mereka dijadikan alat sebagai pemberi kesedaran kepada masyarakat Melayu pada awal abad 20an itu. Penulisan sejarah didalam akhbar dan majalah kebanyakannya menyentuh tentang sejarah yang berunsurkan Islam, masyarakat Melayu, atau contoh negara yang maju. Kebanyakan penulisan ini mempunyai ruangan yang tersendiri yang dipanggil ‘*al-tarikh*’, ‘*Tawarikh*’, ‘*Perkhabaran*’, ‘*Sejarah*’ dan ‘*Riwayat*’.<sup>22</sup>

Bahagian atau ruangan *Tawārīkh* merupakan satu usaha yang baru dalam perkembangan pensejarahan di Tanah Melayu pada

<sup>20</sup> Muhammad Janan Ahmad, “Peranan Majallah Guru dalam Perkembangan Sastera Sa-below Peperangan Dunia II” (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966), 12.

<sup>21</sup> Muhd Yusof Ibrahim “Akhbar dan Majalah ditinjau dari Sudut Pensejarahan Melayu”, (Kertas Kerja Seminar Akhbar dan Majalah, Bangi 25-26 Jun 1988), 1.

<sup>22</sup> Cahaya Pulau Pinang mempunyai ruangan ‘*perkhabaran*’, al-Imam dalam ruangan ‘*al-tārīkh al-Islāmi*’, *Pengasoh* mempunyai bahagian ‘*tarikh*’, *Majalah Guru* dan *Cenderamata* mempunyai ruangan dengan tajuk yang sama iaitu ‘*tawārīkh*’, Majlis menggunakan istilah

zaman itu. Kebanyakan penulisan adalah berkisar kepada “*Tawārikh orang Islam yang Masyhur*” iaitu sumbangan rencana daripada Za’ba yang sama dengan penulisan Syed Sheikh Al-Hadi iaitu rakan karib Za’ba yang telah memulakannya pada tahun 1922.<sup>23</sup> Walaupun konsep sejarahnya bersifat tradisional iaitu menurut Adnan Hj. Nawang,<sup>24</sup> akan tetapi bagi penulis maklumat yang terkandung dalamnya penting kerana pengetahuan sejarah bagi masyarakat Melayu yang kurang. Ini mungkin satu strategi Za’ba bagi mendekati para pembaca, khususnya golongan pelajar dan guru Melayu kepada sejarah keagungan Islam.

Penggunaan istilah *Tawarikh* dipopularkan hanya selepas Perang Dunia I melalui sistem persekolahan Melayu. Menurut Za’ba, Winstedt telah memainkan peranan utama dalam memperkenalkan konsep *Tawarikh* kepada orang Melayu. Khoo Kay Kim menyangkal dakwaan tersebut dengan menyatakan bahawa istilah tersebut telah digunakan sebelum Winstedt diberi tugas mengkaji semula sistem pelajaran Tanah Melayu semasa Perang Dunia I. Walau bagaimanapun, sumbangan Winstedt tidak dapat dinafikan kerana sekurang-kurangnya beliau telah membezakan di antara *Tawarikh* dengan *Hikayat*. Ianya dapat di nilai daripada pernyataan beliau di dalam artikel beliau dan Za’ba iaitu:

“...It was undoubtedly the book which, by popularizing the Arabic word *tawarikh*, first opened the eyes of the average Malay to the meaning of history as distinct from legend...”<sup>25</sup>

Penulisan sejarah di dalam ruangan *Tawarikh* bagi *Majalah Guru* ini sekiranya dikumpul setiap keluarannya boleh dijadikan sumber rujukan bagi pelajar dan gurunya, bukan itu sahaja malah setiap artikel yang diterbitkan di dalam ruangan tersebut bukan hanya untuk dibaca dan kemudian lulus di dalam peperiksaan, tetapi

---

‘riwayat’. Kesemua akhbar dan majalah ini kebanyakannya masih lagi disimpan rapi oleh Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta.

<sup>23</sup> Lihat Syed Sheikh Al-Hadi (1922) *Al-Tarikh Al-Islam*, Pulau Pinang. Menurut Adnan Hj Nawang, Zaba turut memiliki buku tersebut dan bagi pendapatnya buku tersebut dijadikan model bagi penulisan di dalam ruangan *Tawārikh* di dalam *Majalah Guru*

<sup>24</sup> Beliau menyatakan ianya bersifat tradisional kerana penggunaan istilah *Tawārikh* yang terbentuk daripada kata dasar tarikh. Perubahan konsep *Tawārikh* ke sejarah hanya berlaku selepas Perang Dunia Ke-II. Lihat Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan Satu Perbicaraan Pensejarahan Melayu*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979), 15-18.

<sup>25</sup> R.O Winstedt dan Zainal Abidin Bin Ahmad, “A History of Malay Literature, With a Chapter on Modern Developments”, *JMBRAS*, no.3 (1939), 151.

juga untuk kita berfikir dan mengetahui peristiwa yang lalu supaya dapat mengambil ikhtibar daripada peristiwa sejarah yang diceritakan. Ini dapat dilihat daripada pernyataan di dalam *Majalah Guru* sendiri iaitu:

*“...dengan sebab itu apabila kita membaca atau mempelajari tawarikh Palembang, Singapura dan Melaka pada zaman dahulu umpamanya maka bukanlah seseorang itu boleh dikata pandai jikalau ia sekadar hanya tahu akan nama Sang Nila Utama, Sultan Mansur Syah dan tarikh-tarikh hidup mereka itu masing-masing. Tetapi kita patut memahamkan segala hal keadaan mereka itu, keadaan negeri-negerinya.-hutan rimbanya, lautannya, kapal-kapal layarnya, orang-orang ramainya....Pada setiap muka dalam kitab tawarikh yang kita baca itu patut nampak oleh kita beberapa perhimpunan atau puak manusia yang bergerak dan bernyawa dengan gaya kehidupan yang boleh dibandingkan dengan kehidupan zaman kita itu...”<sup>26</sup>*

*“...pada masa ini tawarikh itu ada diajarkan dalam tiap-tiap sekolah dan kolej melayu tetapi terutama sekali bagi pihak penuntut-penuntut dan murid-murid sekolah perkara itu hanya menjadi suatu cawangan yang kering untuk mengingatkan nama-nama, kurun-kurun dan tahun-tahun sesuatu kejadian semata-mata kerana hendak lulus dalam peperiksaan dengan sekali-sekali tidak hendak menyingkap bbrp lapis tabir bagi faedah org yg mempelajarinya...”<sup>27</sup>*

*“...kitab-kitab tawarikh melayu dan sejarah alam melayu itu pada masa ini hanya dibaca disekolah-sekolah oleh kerana terpaksa hendak digunakan dalam peperiksaan...”<sup>28</sup>*

Kenyataan dari *Majalah Guru* ini menunjukkan bahawa ruangan *Tawarikh* yang diterbitkan hampir setiap bulan itu bukan sahaja sebagai rujukan bagi setiap pelajar untuk persediaan pemeriksaan semata-mata, malah untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan juga mempelajari sesuatu yang penting daripada kisah masa lalu. Kenyataan ini juga menunjukkan bahawa sudah terdapatnya kesedaran sejarah bagi masyarakat Melayu dalam mempelajari sejarah pada dekad 20-an.

Terdapat pernyataan di dalam *Majalah Guru* ini juga yang menunjukkan bahawa harapan penulisan sejarah yang terdapat di

---

<sup>26</sup> Bagaimana Patut Membaca Tawarikh: Bagi Penuntut-Penuntut Di Kolej Dan Murid-Murid Di Sekolah Melayu, *Majalah Guru*, 1 April 1935, 123.

<sup>27</sup> *Ibid.*, 124.

<sup>28</sup> *Ibid.*, 125.



dalam ruangan '*Tawârikh*' akan dijadikan teladan dan ikhtibar oleh masyarakat Melayu khususnya. Ianya telah dinyatakan lagi didalam terbitan pertama majalah ini iaitu:

“...dan berbagai-bagailah pula cerita dan tarikh orang-orang yang termasyur supaya menjadi ikutan dan teladan...”<sup>29</sup>

Ini menunjukkan bahawa matlamat dan tujuan para penulis didalam ruangan ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu pada ketika itu yang leka dan degil.

Menurut Muhd. Yusof Ibrahim (2009) lagi, kesedaran sejarah itu didorong oleh kepentingan keagamaan, kepercayaan atau peribadi. Ini bermaksud bahawa, ianya didorong atau dirangsang oleh keperluan.<sup>30</sup> Menurut Herbert Butterfield (1981), kemunculan minat atau kesedaran terhadap sejarah sebagai masa lalu itu hanya boleh berlaku seiring dengan perkembangan keseluruhan sikap manusia.<sup>31</sup> Walaubagaimanapun, tidak dapat dipastikan dengan tepat masyarakat atau peradaban manakah yang mula-mula telah mewujudkan atau menampakkan kesedaran sejarah. Namun begitu, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa kesedaran itu muncul apabila wujudnya tulisan.<sup>32</sup>

#### D. Kesimpulan

Sebagaimana yang telah diketahui, sasaran utama mata pelajaran sejarah ialah pelajarnya. Mereka merupakan golongan yang penting dalam proses pembentukan keperibadian bangsa, pembangunan negara dan masyarakat. Oleh itu, penekanan yang khusus dari segi kesedaran dalam pendidikan sejarah haruslah dimulakan di peringkat sekolah rendah lagi. Keadaan ini dapat diwujudkan kerana pelajaran sejarah mempunyai kaitan yang rapat dengan tindak tanduk manusia.<sup>33</sup>

Dengan mempelajari sejarah juga, seseorang itu dapat mengetahui berbagai ilmu pengetahuan. Pelajaran sejarah selalunya

<sup>29</sup> *Majalah Guru*, 1 Nov 1924, Bil.1, Tahun 1, 2.

<sup>30</sup> Muhd. Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah, Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 4.

<sup>31</sup> Herbert Butterfield, *The Origins of History*, (London: Eyre Muthuen Ltd, 1981), 14-15.

<sup>32</sup> Agnes Heller *A Theory of History*, (London: Routledge & Kegan Paul, 1982), 8.

<sup>33</sup> Siti Zainun Mat, “Kepentingan Pelajaran Sejarah Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia” *Jurnal Sejarah*, Bil. 18 (1990), 1.

tidak akan lari dari menyentuh pengetahuan yang lain seperti sains, agama, geografi, kesusasteraan atau seni.<sup>34</sup> Ia bukan sahaja satu mata pelajaran tetapi meliputi lain-lain pelajaran. Hal ini membantu pengetahuan pelajar semakin luas mencakupi pelbagai bidang. Di samping itu, pelajaran sejarah juga dapat memberitahu apa yang seharusnya diketahui oleh manusia seperti sejarah kejadian sesuatu ciptaan, kewujudan bangsa, perkembangan negaram revolusi dan sebagainya.

Semua perkara yang disebutkan di atas terdapat di dalam penulisan artikel sejarah di dalam ruangan *Tawarikh*. Walaupun kebanyakan penulisan artikel di dalam ruangan ini adalah terjemahan daripada hasil karya Winstedt dan Swettenham, namun terdapat juga penulisan sejarah Islam yang diambil daripada kitab-kitab Arab. Penulisan di dalam majalah ini juga menulis sumber yang di ambil dan ini juga membuktikan bahawa penulisan sejarah yang terdapat di dalam ruangan *Tawarikh* ini merupakan standard yang terbaik pada ketika itu berbanding dengan tulisan-tulisan sejarah di dalam akhbar dan majalah yang lain.

Secara umumnya, dapatlah dikatakan bahawa peranan *Majalah Guru* dalam mata pelajaran Sejarah adalah sangat penting dalam melahirkan rakyat yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, bangga bertanggungjawab sebagai warganegara dan mempunyai sifat nasionalis terhadap negaranya.<sup>35</sup> Memandangkan kepada kepentingan pelajaran ini kepada masyarakat terutamanya golongan pelajar, maka *Majalah Guru* telah menyuarakan tentang perlunya pelajar-pelajar di sekolah-sekolah mengambil inti atau ikhtibar dari pelajaran tersebut dan tidak hanya membaca buku-buku sejarah untuk tujuan lulus dalam peperiksaan.<sup>36</sup>

## Daftar Pustaka

Abdullah Zakaria Ghazali, "Pembinaan Citra Za'ba: Muhammad Bin Dato' Muda kepada Zainal Abidin Bin Ahmad" (Kertas Kerja Seminar Memperingati 100 Tahun Za'ba di Kuala Lumpur, 19-20 Oktober 1995).

---

<sup>34</sup> V.Nadarajan, "Revolusi Dalam Pengajaran Sejarah", *Dewan Masyarakat*, Jun 1973, 23-24.

<sup>35</sup> Jagdish Raj Sharma, *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah: Beberapa Pertimbangan dan Persoalan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985), 5.

<sup>36</sup> "Bagaimana Patut Membaca Tawarikh", *Majalah Guru*, 1 April 1935.

- Adnan Haji Mohd. Nawang , “Zainal Abidin Bin Ahmad (Za’ba)” (Kertas Kerja Seminar Biografi Malaysia di Kuala Lumpur, 1986).
- Agnes Heller, *A Theory of History*, London: Routledge & Kegan Paul, 1982.
- Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
- H.A.R Gibb & J.H.Kramers, *Shorter Encyclopedia of Islam*, Leidin : E.J.Brill, 1961.
- Herbert Butterfield, *The Origins of History*, London: Eyre Muthuen Ltd, 1981.
- Jagdish Raj Sharma, *Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah: Beberapa Pertimbangan dan Persoalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.
- Khoo Kay Kim & Ramlah Adam, *The Malay College Malacca*, Kuala Lumpur: The New Straits Times Annual, 1977.
- Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979.
- , “Strategi Kesenambungan Titisan Warisan Pendeta Za’ba: Peranan Ahli Sejarah”, (makalah, Seminar Kebangsaan Memartabatkan Warisan Pendet Za’ba, Dewan Bahasa dan Pustaka, 15 & 16 September 2004).
- Mahayudin Hj. Yahaya, *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*, Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana, 1984.
- Muhd. Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah, Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- , “Akhbar dan Majalah ditinjau dari Sudut Pensejarahan Melayu”, (Kertas Kerja Seminar Akhbar dan Majalah, Bangi 25-26 Jun 1988).
- Muhammad Janan Ahmad, “Peranan Majallah Guru dalam Perkembangan Sastera Sa-belom Peperangan Dunia II” (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966).

- Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- R.O Winstedt dan Zainal Abidin Bin Ahmad, "A History of Malay Literature, With a Chapter on Modern Developments", *JMBRAS*, no.3 (1939).
- Siti Zainun Mat, "Kepentingan Pelajaran Sejarah Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia" *Jurnal Sejarah*, Bil. 18 (1990).
- Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*, Singapura: Pustaka Melayu, 1961.
- V.Nadarajan, "Revolusi Dalam Pengajaran Sejarah", *Dewan Masyarakat*, Jun 1973.
- "Penulis tidak diketahui" Bagaimana Patut Membaca Tawarikh: Bagi Penuntut-Penuntut Di Kolej Dan Murid-Murid Di Sekolah Melayu, *Majalah Guru*, 1 April 1935.